

11 APR 1998

Mokhtar-IT

KERAJAAN NEGERI MEMBERI PENEKANAN TERHADAP IT

KUALA TERENGGANU, 11 April (Bernama) -- Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata kerajaan negeri telah bersiap sedia untuk menerima limpahan daripada perkembangan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan akan memberi fokus utama kepada sektor IT.

Beliau berkata, selaras dengan agenda IT kebangsaan, kerajaan negeri telah dan sedang menjalankan beberapa program bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap potensi dan manfaat IT.

Wan Mokhtar berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian jual beli saham Solsis-YPK (Terengganu) Sdn Bhd antara Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) dan Dataprep Holdings Berhad di sini, hari ini. Solsis diwakili Pengerusi Lembaga Pengarahnya Datuk Rashid Ngah manakala Dataprep Holdings Berhad pula diwakili Pengerusi dan Ketua Eksekutifnya Mirzan Mahathir di majlis itu.

Kerajaan negeri akan terus menyusun semula peranan dan bidang kuasa agensi-agensi utamanya untuk mencapai rasionalisasi organisasi berdasarkan kegiatan-kegiatan teras bagi menjayakan hasrat itu.

Wan Mokhtar menegaskan dengan termeterai perjanjian hari ini, kerajaan negeri kini mempunyai platform untuk menerajui industri teknologi maklumat dengan berkesan.

Solsis-YPK, usahasama antara Solsis Malaysia Sdn Bhd, anak syarikat Dataprep Holding dan YPKT ditubuhkan pada tahun 1993 dengan 60 peratus ekuiti dipegang Solsis dan bakinya YPKT.

Sementara itu, Mirzan berkata Dataprep kini dalam proses mengukuhkan kedudukannya dan penjualan itu akan membantu aliran tunai syarikat.

Beliau berkata sebelum penjualan kepentingan 300,000 sahamnya dalam Solsis-YPK pada harga 80 sen sesaham, Dataprep juga telah melupuskan anak syarikatnya dalam jualan runcit barangan komputer, Dataprep Retail Sdn Bhd.

"Kami yakin langkah-langkah yang diambil ini mampu memperbaiki kedudukan syarikat pada tahun kewangan ini," kata beliau lagi. -- BERNAMA

IB PR